

BAB 7: PENINGKATAN TAMADUN INDIA DAN CHINA

BAHAGIAN A Soalan Objektif

7.1 TAMADUN INDIA

- 1 Apabila berakhir Tamadun Indus, berlaku perubahan dalam perkembangan Tamadun India.

Pusat perkembangan Tamadun India beralih ke

- A Lembah Indus
- B Lembah Ganges
- C Sungai Godaveri
- D Sungai Mahanadi

- 2 Istilah berikut berkaitan dengan kerajaan Tamadun India.

Mahajanapada

Istilah tersebut merujuk kepada kerajaan

- A Lama
- B Kecil
- C Besar
- D Baharu

- 3 Apakah faktor yang mempengaruhi sesebuah kerajaan menjalankan dasar perluasan kuasa?

- I Kewangan
 - II Dasar ekonomi
 - III Kehendak rakyat
 - IV Dasar pemerintahan
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 4 Perluasan fizikal dilakukan oleh sesebuah kerajaan dengan menguasai wilayah-wilayah lain.

Faktor manakah paling penting membolehkan perluasan kuasa tersebut dicapai?

- A Diplomasi
- B Tolak ansur
- C Kekuatan tentera
- D Sokongan penduduk

- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan bentuk perluasan kuasa dalam Tamadun India.

- Perluasan fizikal
- Perluasan keagamaan

Apakah kebaikan perluasan keagamaan berbanding perluasan fizikal?

- A Mengutamakan kedamaian
- B Menguasai wilayah yang luas
- C Meningkatkan kekuatan kerajaan
- D Mengukuhkan kedudukan pemerintah

- 6 Siapakah yang memulakan perluasan keagamaan dalam Tamadun India?

- A Asoka
- B samudragupta
- C Chandragupta I
- D Chandragupta Maurya

- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan Perang Kalinga.

- 150,000 orang kehilangan harta benda
- 100,000 orang terbunuh

Apakah tindakan Asoka seterusnya dalam usaha meluaskan kuasa?


- A Menguatkan angkatan tentera
- B Menggunakan kaedah keagamaan
- C Mendirikan benteng pertahanan yang kukuh
- D Menyatukan semua rakyat dalam empayarnya

- 8 Terdapat pengembangan agama secara meluas di merata-rata tempat di dunia semasa pemerintahan Asoka.

Apakah agama yang disebarkan?

- A Islam
- B Hindu
- C Buddha
- D Kristian

- 9 Gambar berikut menunjukkan Tiang Asoka.



Apakah yang diukir pada Tiang Asoka?

- A Epik *Ramayana*
 - B Lirik lagu kebangsaan
 - C Undang-undang negara
 - D Sejarah dinasti Maurya
- 10 Apakah peristiwa yang menyebabkan Asoka mengubah dasar perluasan kuasa daripada perluasan fizikal kepada perluasaan keagamaan?
- A Perang Kalinga
 - B Perebutan takhta
 - C Serangan orang Aryan
 - D Tuntutan penduduk tempatan

7.2 TAMADUN CHINA

- 11 Jadual berikut menunjukkan pusat pemerintahan Dinasti Han.

Dinasti	Pusat pemerintahan
Han awal	Chang'an
Han akhir	X

Apakah X?

- A Loyang
 - B Anyang
 - C Xianyang
 - D Yangzhou
- 12 Konfusius merupakan seorang ahli falsafah yang terkemuka di China.
- Apakah karya beliau yang terkenal?
- A *Lun Yu*
 - B *Da Xue*
 - C *Tao Te Jing*
 - D *Zhong Young*
- 13 Mengikut Han Fei Zi, tingkah laku manusia boleh dikawal melalui
- A Ajaran agama
 - B Sistem pendidikan
 - C Ketegasan undang-undang
 - D Didikan institusi kekeluargaan

- 14 Pada zaman Dinasti Qin, pendidikan memberi penekanan kepada

- A Nilai moral
- B Keagamaan
- C Kemahiran teknikal
- D Pemahaman undang-undang

- 15 Kepentingan pendidikan dalam Tamadun China menyebabkan perkembangan yang pesat dalam pendidikan negara.

Apakah matlamat sistem pendidikan Tamadun China?

- I Memilih pegawai kerajaan
 - II Memupuk nilai moral
 - III Menyelaraskan bahasa
 - IV Mengawal tingkah laku manusia
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 16 Peperiksaan perkhidmatan awam merupakan komponen paling penting dalam sistem pendidikan dan kehidupan masyarakat China.

Apakah kepentingan peperiksaan tersebut kepada seseorang individu?

- I Menerima penghormatan
 - II Meningkatkan taraf sosial
 - III Menjadi pegawai di istana raja
 - IV Melanjutkan pelajaran ke luar negara
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 17 Apakah ciri-ciri sistem pendidikan perkhidmatan awam China?

- I Berasaskan falsafah legalisme
 - II Terbuka calon lelaki sahaja
 - III Mengekalkan tradisi dan budaya China
 - IV Berubah mengikut kesesuaian masa
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 18 Dalam masyarakat China, seseorang individu boleh meningkatkan taraf sosialnya ke arah kehidupan yang lebih baik.
Bagaimanakah matlamat tersebut boleh dicapai?
- A Menyertai pasukan tentera
 - B Mencari kehidupan di bandar
 - C Terlibat dalam aktiviti perdagangan
 - D Lulus dalam peperiksaan perkhidmatan awam
- 19 Peperiksaan perkhidmatan awam merupakan komponen paling penting dalam sistem pendidikan masyarakat china.
Peperiksaan tersebut adalah berkisarkan...
- A Salasilah kerabat diraja
 - B Sejarah negara China
 - C Sembilan buku Suci
 - D Sistem perundangan
- 20 Setiap calon yang lulus dalam peperiksaan perkhidmatan awam akan memperolehi pelbagai keistimewaan berdasarkan tahap kelulusan mereka.
Apakah keistimewaan yang diterima oleh calon yang lulus peperiksaan tahap ke dua (*juren*)?
- A Menjadi pengiring maharaja
 - B Pangkat tinggi dalam kerajaan
 - C Mempunyai kakitangan pengiring
 - D Kakitangan kerajaan peringkat rendah